

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 7 APRIL 2010
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikenali sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zhao Shang
Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa
Thai).

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi indah ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan sesama kita.

Ladies and Gentlemen,

It is hard to believe that time flies very fast. And little that we realized, four months have passed with bittersweet memories and many more waiting ahead of us. As all of you are aware, last weekend UniMAP has organized an event, Engineering Invention and Innovation Exhibiton (ENVEK) 2010 which was held at Dewan SRJK (C) Khoon Aik. This program was intended to encourage the innovation culture amongst students.

Congratulations on a job well done to the secretariat. And my personal thanks to Mr Mustafa AlBakri and his dedicated team, who have been working very hard in making the event successful. I would also like to convey my sincere thanks to all the schools for their cooperation and participation in ENVEK 2010.

Hadirin sekalian,

- Masa berlalu seakan pantas meninggalkan kita dan tanpa disedari kini memasuki bulan April dengan pelbagai suka duka perlu diharungi dengan pelbagai tugas yang menanti.
- Sebagai seorang penjawat awam, hubungan atau kerjasama sesama kakitangan haruslah bersikap mesra, akrab, secara meluas serta memberi faedah maksimum kepada organisasi dan perkhidmatan awam samada di dalam mahupun diluar negara.
- Budaya kerja yang cemerlang mengambil kira berkenaan pembangunan insan yang mampu menangani faktor kemanusiaan bagi merubah sikap demi mencapai kecemerlangan. Justeru itu setiap kakitangan dihadapan saya ini haruslah mempamerkan perkhidmatan yang cemerlang demi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti.
- Tanpa usaha dan kerjasama berpasukan amatlah sukar untuk kita merealisasikan sesuatu tugas dengan sempurna. Di sini juga saya ingin menyeru kepada kakitangan saya agar menjauhi sikap berat tulang sebaliknya hampiri sikap ringan tulang dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan sekiranya

diperlukan demi meningkatkan kecemerlangan universiti.

Hadirin sekalian,

- Pada 3 dan 4 April yang lepas UniMAP telah menganjurkan Engineering Invention and Innovation Exhibiton (ENVEK) 2010 di Dewan SRJK (C) Khoon Aik. Program berkenaan bertujuan untuk memupuk budaya inovasi di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
- ENVEK 2010 ini merupakan program kali kedua dianjurkan oleh UniMAP. Walaubagaimanapun penganjuran kali ini mencatatkan keistimewaannya yang tersendiri apabila buat julung-julung kali penyertaannya dibuka kepada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain. Saya amat tertarik dan berpuas hati dengan penyertaan yang memberangsangkan tidak kiralah bagi kategori terbuka dan kategori tertutup (UniMAP).
- Bagi kategori terbuka sebanyak 50 penyertaan telah diterima. Penyertaan bagi kategori ini adalah melibatkan penyertaan 8 buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah, Universiti Malaysia

Pahang (UMP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah, Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Sains Malaysia (USM), UiTM Perak, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

- Dan apa yang menarik sekali dalam penganjuran kali ini adalah, kita juga turut menerima satu penyertaan dari IPT luar Negara iaitu dari Institut Teknologi Medan (ITM) Indonesia. Manakala bagi kategori tertutup (peringkat UniMAP) pula, sebanyak 8 buah pusat pengajian dengan 100 penyertaan telah diterima. Semoga dengan penganjuran begini segara tidak langsung dapat memberikan pendedahan awal dalam menggalakkan para penuntut IPT untuk terlibat dan terbabit dalam penyelidikan dan inovasi.
- Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Pelaksana ENVEX 2010 di atas komitmen dan kesungguhan yang telah dipamerkan bagi merealisasikan program ENVEX 2010 ini dengan jayanya. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Pusat pengajian di atas kerjasama yang diberikan untuk menghantar penyertaan produk penyelidikan.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

- Pada hari Sabtu ini akan berlangsung pula Majlis Anugerah Sukan, Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2009 di Dewan 2020. Majlis ini merupakan anjuran MASUM dimana UniMAP menjadi tuan rumah untuk penganjuran pada kali ini.
- Saya harapkan kerjasama yang baik dapat diberikan oleh semua Jawatankuasa dalam memastikan kelancaran perjalanan majlis ini. Hal ini kerana, melalui penganjuran ini sedikit sebanyak melibatkan imej UniMAP dan sekiranya majlis ini berjalan dengan baik, nama universiti kita juga akan baik.
- Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini izinkan saya menyampaikan dua rangkap pantun;

Bukit Kecik Ujung Bintong,

Tempat Berehat Penduduk Setempat,

Bulat Air Kerana Pembentung,

Bulat Manusia kerana Muafakat.

**Anak Pak Man Menjual Putu,
Putu Di beli oleh Cik Rama,
Marilah Kita Teguh Bersatu,
Memastikan Kejayaan Milik Bersama.**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.